

18 NOV 2000

Sabah-Penggiliran

KONVENSYEN SABAH 2000 MENGENAI SISTEM PENGGILIRAN HANYA DIHADIRI 60

ORANG

Oleh: Newmond Tibin

KOTA KINABALU, 18 Nov (Bernama) -- Konvensyen Sabah 2000 yang pertama, bagi membincangkan mengenai rasional penggiliran jawatan Ketua Menteri, di sini hari ini mendapat sambutan dingin daripada orang ramai.

Ini dapat dilihat daripada bilangan peserta yang menghadirinya -- hanya kira-kira 60 orang yang hadir pada konvensyen sehari itu anjuran Persatuan Penjaja dan Penjaja Kecil Bumiputera dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.

Bagaimanapun, ia adalah satu forum yang hangat kerana para hadirin yang sedikit itu, termasuk ahli akademik, memberikan pelbagai pendapat yang berbeza mengenai isu itu.

Hasil kajian menerusi telefon yang dijalankan oleh Fakulti Sosial Sains Universiti Malaysia Sabah (UMS) juga dibentangkan pada konvensyen itu.

Dalam kajian itu, seramai 135 daripada 251 responden memilih supaya sistem penggiliran itu dihapuskan, 27.4 peratus memilih ia dikekalkan dan bakinya mahu tempoh penggiliran yang lebih lama iaitu lima tahun.

Salinan hasil kajian itu juga diedarkan kepada para peserta dan wakil media.

Satu lagi topik hangat yang dibangkitkan pada konvensyen itu ialah sama ada seorang anggota Dewan Undangan Negeri yang dilantik (Adun) boleh menyandang jawatan Ketua Menteri.

Peguam terkenal dan bekas Ketua Menteri Datuk Dr Herman Luping, yang juga seorang daripada penceramah forum itu, berpendapat bahawa selagi pemimpin itu adalah Adun dan seorang pemimpin parti politik, beliau boleh dilantik menyandang jawatan itu.

"Tidak kisah sama ada beliau adalah Adun yang dilantik atau dipilih. Malahan, mengikut amalan, Ketua Menteri secara automatik adalah pengerusi Barisan Nasional, yang merupakan sebuah parti berdaftar," katanya.

Perlembagaan Sabah membenarkan enam orang dilantik sebagai Adun sebagai tambahan kepada 48 wakil yang dipilih.

Penggiliran jawatan Ketua Menteri bagi tempoh dua tahun di kalangan tiga masyarakat utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina

-- diperkenalkan di Sabah pada 1994 dan ia adalah ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Datuk Seri Panglima Osu Sukam, yang kini Ketua Menteri Sabah di bawah sistem penggiliran itu adalah daripada masyarakat Bumiputera Islam dan tempoh dua tahunnya berakhir pada Mac tahun depan.

Sistem itu hanya terpakai untuk Ketua Menteri dari Barisan Nasional.

Mengulas mengenai sambutan dingin konvensyen itu, pengerusi penganjurnya, Musli Oli, berkata, "Kami agak kecewa dengan kehadiran yang sedikit ini kerana kami menjangkakan jumlah kehadiran yang lebih besar."

Konvensyen itu bertujuan menyediakan ruang tambahan bagi rakyat menyuarakan pendapat mereka mengenai isu itu, katanya.

"Bagi saya ada orang yang tidak gembira dengan acara ini dan sebab itu mereka mensabotaj kami," dakwa Musli.

-- BERNAMA

NT NAK